# PRAKATA

Buku psikologi pendidikan mengandungi beberapa teori yang sesuai untuk diapplikasikan dalam bilik darjah, di antaranya ialah teori-teori pembelajaran. Oleh itu dari segi pengajaran dan pembelajaran, guru dapat memahami tingkah laku pelajar dalam proses pengajaran dan pe,belajaran. Di sini letaknya kekuatan ilmu dan kemahiran yang perlu diaplikasikan oleh pembaca. Bukan setakat itu sahaja, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga adalah lebih menekankan kepada pemusatan pelajar.

Di dalam pengajaran dan pembelajaran, buku ini juga membincangkan motivasi dalam bilik datjah. Dengan cara ini pelajar yang menghadapi masalah dari segi mendapat rawatan semangat serta memberi perhatian khas supaya mereka dapat menerima ransangan-ransangan dengan jelas dan tepat.

Di dalam pengajaran dan pembelajaran, buku ini juga membincangkan penggunaan pancaindera bagi meningkatkan kemahiran pengamatan pelajar. Ini termasuklah menggunakan pelbagai jenis alat bantu mengajar yang sesuai dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dengan cara ini pelajar yang menghadapi masalah dari segi pengamatan visual dan pengamatan auditori mendapat rawatan serta memberi perhatian khas supaya mereka dapat menerima ransangan-ransangan dengan jelas dan tepat.

Bagi meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah di kalangan pelajar, di dalam pengajaran dan pembelajaran, buku mempunyai beberapa pendekatan yang boleh diertimbangkan dalam proses pilihan atau semasa membuat keputusan. Di antaranya ialah memperkembangkan kemahiran berfikir yang pelbagai seperti pemikiran strategik, kritikal, logikal, saintifik, kreatif, induktif dan deduktif. Perasaan inkuiri pelajar juga haruslah digalakkan di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya buku ini mengandungi 14 bab dan sesuai dibaca oleh para pendidik, pelajar-pelajar maktab perguruan, universiti dan orang perseorangan yang berminat dalam bidang pengajaran dan pembelajaran

**Azizi Yahaya**
**Shahrin Hashim**
Fakulti Pendidikan/Jabatan Asas Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
**2008**

## KANDUNGAN

**Tajuk Psikologi Pendidikan**

*Prakata* vii

**Bab 1 KONSEP DAN SEJARAH PERKEMBANGAN PSIKOLOGI 1**

**Bab 2 Teori-Teori Perkembangan 16**

**Bab 3 Kecerdasan 41**

**Bab 4 Kecerdasan Emosi 79**

**Bab 5 Ingatan 122**

**Bab 6 Pengertian Konsep Kendiri 156**

**Bab 7 Pengamatan 193**

**Bab 8 Penyelesaian Masalah 232**

**Bab 9 Pemikiran kritikal 283**

**Bab 10 Konsep Pembelajaran 324**

**Indeks**